



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
14 OGOS 2020 (JUMAAT)**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	'Hanya ini pendapatan kami'
MUKA SURAT	8



ANGGOTA penguatan kuasa MBSA meroboh struktur perniagaan haram di Bandar Baru Sungai Buloh.

# 'Hanya ini pendapatan kami'

m/s-8

*Ada penjaja makanan sudah 30 tahun berniaga tapi masih belum memiliki lesen*

Oleh Muhamad Hafis  
Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

### Sungai Buloh

"Kebanyakan penjaja makanan sudah lama berniaga, ada yang sudah 30 tahun dan sering disaman kerana berniaga tanpa lesen. Kami tidak salahkan MBSA (Majlis Bandaraya Shah Alam) apabila mereka bertindak seperti ini kerana selepas tular video itu," kata penjaja, Mohd Hamizan Zebri, 33.

Dia yang juga penduduk di situ berkata, peniaga di kawasan berkenaan memang agak sukar untuk mendapat lesen dan bukan

**Cuma jika perkara ini berterusan saya bimbang pendapatan kami terjejas**  
Mohd Hamizan

tidak pernah memohon kerana lokasinya tidak membolehkan lesen diluluskan.

Menurutnya, bukan tidak mahu berniaga di tapak gerai sementara disediakan MBSA, tetapi kawasan itu agak terhad dan kebanyakan berniaga makanan yang sama.

"Sebab itu saya tetap berniaga di sini menjual roti canai sebelah pagi dan sate sebelah malam untuk menampung kehidupan."

"Hanya ini lah pendapatan yang kami ada dan selama ini pun bukan tidak pernah disaman dan kadang-kala atas budi bicara pegawai MBSA mereka meminta kami mengemas barang dan berhenti berniaga," katanya ketika ditemui

tidak pernah memohon kerana lokasinya tidak membolehkan lesen diluluskan.

Menurutnya, bukan tidak mahu berniaga di tapak gerai sementara disediakan MBSA, tetapi kawasan itu agak terhad dan kebanyakan ber-

niaga makanan yang sama.

"Sebab itu saya tetap ber-

niaga di sini menjual roti canai sebelah pagi dan sate sebelah malam untuk menam-

pung kehi-

dupan.

"Hanya ini lah pendapatan yang kami ada dan selama ini pun bukan tidak pernah disaman dan kadang-

kala atas budi bicara pe-

gawai MBSA mereka mem-

inta kami mengemas bar-

ngan dan berhenti berni-

ga," katanya ketika ditemui

di Bandar Baru Sungai Buloh

di sini, semalam.

Mohd Hamizan berkata,

sepansang dia berniaga juga

tiada anggota MBSA yang

datang ke gerainya meminta

rasuah sebaliknya dia dike-

nakan notis saman.

"Majoriti yang berniaga di

sini orang Melayu dan ber-

gantung pada nasib kadang-

kala disaman dan kadang-

kala atas budi bicara diarah-

kan menutup dan menge-

mas gerai."

"Cuma jika perkara ini

berterusan saya bimbang

pendapatan kami terjejas,"

katanya.

Sementara itu, pemilik

bengkel kereta, Tan Chuan

Chin, 53, terkejut apabila di-

beri notis 24 jam untuk me-

nanggalkan sengkuang yang

dipasang di premisnya itu.

"Saya ada berbincang

supaya diberi tempoh se-

minggu namun gagal me-

nyebabkan terpaksa me-

nanggalkan sendiri sebelum

pihak MBSA berbuat demikian.

"Saya tidak sanggup bayar

saman itu sedangkan seng-

kuap ini sudah lama dipa-

sang sejak saya berniaga ta-

hun 80-an lagi," katanya.



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	MBSA janji bantu dalam tempoh sebulan
MUKA SURAT	8

# MBSA janji bantu dalam tempoh sebulan

**Shah Alam:** Isu peniaga tempatan yang tidak mempunyai lesen perniagaan serta membina struktur haram sebagai premis perniagaan di Sungai Buloh akan dibantu kerajaan negeri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman berkata, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyatakan kesediaan untuk membantu menyelesaikan isu berkenaan selewat-lewatnya dalam tempoh sebulan.

“Insya-Allah dalam tempoh sebulan MBSA akan membantu peniaga dengan syarat peniaga perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam menyediakan dokumen lengkap berhubung perniagaan dijalankan.

“Malah, mesyuarat Exco hari ini (semalam) turut memutuskan supaya MBSA membantu peniaga menerusi pelaksanaan program

pemutihan yang mana peniaga yang ada kesalahan sebelum ini kita putihkan,” katanya, semalam.

Mohd Khairuddin yang juga Exco Pembangunan Generasi Belia dan Sukan dan Pembangunan Insan Selangor berkata, kerajaan negeri sentiasa membela nasib peniaga kecil dan ia dibuktikan menerusi pelbagai bantuan disalurkan terutama ketika berdepan pandemik Covid-19.

Katanya, satu perbincangan akan dilakukan bersama MBSA untuk mewujudkan kaunter bergerak di Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) di Sungai Buloh bagi membantu peniaga terbatit.

“Saya beri keyakinan kepada penduduk di Paya Jaras, Sungai Buloh bahawa kita akan membantu peniaga. **m/s - 8**



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	80 peniaga hilang punca pendapatan
MUKA SURAT	8

**Sungai Buloh:** Sebuah Jawatankuasa Bertindak diwujudkan Persatuan Keharmonianan Bandar Baru Sungai Buloh bagi menyelesaikan isu peniaga yang terkesan dengan tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pengerusi Persatuan Keharmonianan Bandar Sungai Buloh, Kapten (B) Abu Hassan Mistari berkata, setakat ini kira-kira 80 peniaga termasuk ibu tunggal hilang punca pendapatan mereka.

"Jawatankuasa yang turut dianggotai peniaga itu akan mencari kaedah dan jalan penyelesaian terbaik.

"Kita akan kenal pasti siapa, jenis perniagaan yang terkesan selain cuba me-



### 80 peniaga hilang punca pendapatan

ABU Hassan (tengah) ketika sidang media bersama peniaga yang terjejas berikutan tindakan penguatkuasaan pihak berkuasa terhadap mereka di Sungai Buloh, semalam.



Mungkin boleh carikan tapak perniagaan lain untuk individu terkesan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup"

*Abu Hassan Mistari*

nyelaraskan operasi perniagaan supaya tidak berlaku lambakan di satu tempat.

"Mungkin boleh carikan tapak perniagaan lain untuk individu terkesan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup," katanya pada sidang media di sini, malam kelmarin.

Mengenai kewujudan operasi pusat judi di Sungai Buloh, Abu Hassan yakin Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sudah melakukan tugas yang terbaik bagi membantarkan kegiatan itu.

"Kita berhubung rapat dengan pihak berkuasa dari semasa ke semasa. Kita salurkau maklumat dan mereka terus jalankan operasi.

"Mungkin ada empat atau lima lagi pusat judi yang masih beroperasi (sebelum MBSA membuat operasi besar-besaran), kalau polis tak bertindak secara aktif mungkin lebih banyak lagi premis jalankan aktiviti judi," katanya. **M/S-8**



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	MPSJ & MBPJ appoint new councillors
MUKA SURAT	2 - starmetro

# MPSJ and MBPJ appoint new councillors n/s-2

THREE new councillors have been appointed to serve a two-year term under the Subang Jaya Municipal Council (MPSJ).

Mohamad Syafiq Mohamad Norizan and Aniza Jamaludin are from PKR, while Muhammad Fauzan Rosli is from Amanah.

Mohamad Syafiq will serve as Zone 2 Residents Committee (JKP) chairman, Aniza for Zone 14 and Muhammad Fauzan for Zone 15.

MPSJ Corporate and Strategic Management Department deputy director Azfarizal Abdul Rashid said in a statement that the councillors' appointment was approved at a Selangor state government meeting and their appointment was from Aug 1, 2020 until Dec 31, 2022.

Present during the swearing in ceremony held at the MPSJ president's office in USJ5, Subang Jaya, last week were MPSJ president Noraini Roslan and MPSJ deputy president Mohd Zulkurnain Che Ali, as well as the party whips.

Petaling Jaya City Council (MBPJ) too has appointed one new councillor.

Ridzuan Ahmad will serve Zone 24 that covers PJS 5 to PJS 10 (except PJS 9) in Petaling Jaya Selatan.

His appointment was witnessed by Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar, several MBPJ councillors and MBPJ's senior management officers.



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Traffic detour angers Bandar Mahkota Cheras residents
MUKA SURAT	2 – star metro



MPKj has proposed to close the junction between Persiaran Mahkota Cheras 2 and Jalan Temenggung in Bandar Mahkota Cheras because of the heavy volume of traffic.

# Traffic detour angers Bandar Mahkota Cheras residents

m/s -2

By SHALINI RAVINDRAN  
shaliniravindran@thestar.com.my

BANDAR Mahkota Cheras residents are vehemently against a proposed traffic realignment that they claim will worsen traffic congestion in the area.

Under the proposed changes by the Kajang Municipal Council (MPKj), traffic will detour into the residential area of Section 7, Bandar Mahkota Cheras.

Section 7 Residents Association chairman KC Lee said MPKj has proposed to close the junction between Persiaran Mahkota Cheras 2 and Jalan Temenggung.

"Motorists from Persiaran Mahkota Cheras 2 will no longer be able to turn into Jalan Temenggung and vice versa.

"If this change is implemented,

those heading to Bandar Mahkota Cheras commercial area will have to use Jalan Bendahara instead.

"But Jalan Bendahara is a residential area, with seven neighbourhoods along the stretch.

"Diverting traffic into this road is unreasonable and does not make sense," he said.

Lee added that there were also three proposed high density residential projects as well as a reserved school land along the same stretch that would add to the congestion in the future.

Another resident Ng, 59, said installing traffic lights at the junction between Persiaran Mahkota Cheras 2 and Jalan Temenggung would be sufficient to alleviate congestion.

This, he said, would allow for better traffic control and reduce acci-

dents at the spot.

Closing the junction would limit access to and from the busy commercial area.

"Motorists would also have to make a long U-turn to get out of the area," Lee said.

A spokesperson from MPKj said traffic lights would be installed at the intersection between Jalan Bendahara and Persiaran Mahkota Cheras 2 to allow for easier traffic flow.

"A traffic impact assessment by a consultant determined that the intersection could no longer cope with the volume of traffic," he said.

The suggestion to close the road median between Persiaran Mahkota Cheras 2 and Jalan Temenggung, he said, was made as it could worsened the traffic congestion.



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	MPK to build refuse rooms estimated to cost RM1.6 mil
MUKA SURAT	4 - starmetro

# MPK to build refuse rooms estimated to cost RM1.6mil

m/s-4

DOUBLE and single refuse rooms for domestic rubbish that uses community bins will be built in certain neighbourhoods and villages in Klang for better management of household waste.

Klang Municipal Council (MPK) president Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin said the refuse room was to hold the community bins and ensure a cleaner and more sustainable collection of household rubbish.

"One of the core functions of a well-run municipality is to have a clean environment. Community bins that are kept in an accessible area will help rubbish compactors collect waste efficiently in the early mornings. Our aim is to see all trash lorries off the road," he said.

Fadzli added that MPK's Environmental Services Department which oversees the project will build 50 single refuse rooms and another 150 double refuse rooms at an estimated cost of RM1.6mil.

MPK Environmental Services Department director Zaireezal



Dr Ahmad Fadzli says community bins will be placed in the refuse rooms.

Ahmad Zainuddin said the refuse rooms were also to ensure that rubbish was not strewn around but disposed of neatly.

"Each refuse room will have QR codes with information on the rubbish collection days and times," he said.



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Seorang lagi pegawai penguat kuasa direman 7 hari
MUKA SURAT	8

### Seorang lagi pegawai penguat kuasa direman 7 hari

**Putrajaya:** Seorang lagi Penolong Pegawai Penguat Kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) direman tujuh hari bermula semalam untuk membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes menerima rasuah bagi melindungi premis perniagaan haram di Sungai Buloh, Selangor.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya bermula semalam hingga 19 Ogos depan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sumber berkata, lelaki berusia 38 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM di sini, kira-kira jam 9.30 malam kelmarin, selepas hadir memberi keterangan.

Media kelmarin melaporkan lima individu termasuk empat pegawai kuasa direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes sama.

Menurut laporan berkenaan, pegawai terbabit disyaki menerima rasuah antara RM300 hingga RM3,500 secara bulanan bagi melindungi premis perniagaan haram di sekitar daerah itu.

Kes membabitkan peniaga di Sungai Buloh itu menjadi hangat apabila tular dua klip video baru-baru ini yang mendakwa pihak berkuasa tidak mengambil tindakan terhadap kes judi di Bandar Baru Sungai Buloh.

Pendedahan berkenaan dibuat menerusi laman sosial Facebook Hot Burger Malaysia dan dikongsikan akaun Mohd Asri Hamid, 42, yang turut dikenali sebagai Asri Janggut.

Susulan itu, SPRM melakukan siasatan terhadap dakwaan berkenaan dengan kerjasama Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, serta menahan beberapa individu disyaki terbabit dalam kes itu.



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	MBSA bantu selesai isu peniaga tiada lesen
MUKA SURAT	8

Susulan pendedahan Mohd Asri

# MBSA bantu selesai isu peniaga tiada lesen m/s - 8

Kerajaan negeri minta kerjasama sediakan dokumen lengkap

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Norzamira Che Noh bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Kerajaan negeri akan membantu menyelesaikan isu peniaga tempatan yang tidak memiliki lesen dan membina struktur haram sebagai premis perniagaan di Sungai Buloh.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman, berkata Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyatakan kesediaan membantu menyelesaikan isu itu selewat-lewatnya dalam tempoh sebulan.

"Insya-Allah dalam tempoh sebulan, MBSA akan membantu peniaga dengan syarat peniaga perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam menyediakan dokumen lengkap berhubung perniagaan dijalankan," katanya kepada media, semalam.

Mohd Khairuddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Generasi Belia dan Sukan dan Pembangunan Insan Selangor, berkata kerajaan negeri sentiasa membela nasib peniaga kecil dan ia dibuktikan menerusi pelbagai bantuan disalurkan, terutama ketika berdepan pandemik COVID-19.

Katanya, perbincangan akan dilakukan bersama MBSA untuk mewujudkan kaunter bergerak di Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) di Sungai Buloh bagi membantu peniaga terbabit.



Operasi merobohkan infrastruktur haram di kawasan Bandar Baru Sungai Buloh terus dijalankan, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

"Saya beri keyakinan kepada penduduk di Paya Jaras bahawa kita akan membantu peniaga dan pada masa sama, kita berharap mereka dapat bekerjasama untuk memenuhi syarat ini.

"Bagaimanapun kita tidak akan berkompromi sama sekali dalam isu judi haram, arak dan isu warga asing," katanya.

Kelmarin, MBSA memberi notis akan meroboh atau menyita 101 premis sekitar Bandar Baru Sungai Buloh yang gagal mematuhi notis amaran diberikan pada Isnin dan Selasa lalu.

Timbalan Datuk Bandar, Mohd Rashidi Ruslan berkata, tindakan itu dikenakan terhadap premis yang menambah atau mengubah suai struktur bangunan tanpa kebenaran pihaknya.

Sementara itu, MBSA dilihat masih terus melakukan operasi dan kerja meroboh infrastruktur

haram di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh, semalam, selepas melakukan operasi secara besar-besaran, kelmarin.

Tinjauan BH mendapati anggota MBSA bersama beberapa jentera termasuk jentolak merobohkan binaan yang mengganggu pengguna jalan raya dan tempat letak kenderaan.

Antara yang dirobohkan adalah sambungan restoran dan binaan lantai yang didirikan di kawasan pejalan kaki.

Turut kelihatan pekerja premis dan gudang perindustrian juga bertungkus-lumus menurunkan sengkuap yang dipasang di belakang premis.

Pegawai dan anggota MBSA juga dilihat melawat serta memeriksa kedai dipercayai untuk mengenal pasti kesalahan dilakukan pemilik premis di situ.

Pemilik kedai makan, Hassan

Daud, 59, ketika ditemui mengaku dia terpaksa menutup perniagaan sekurang-kurangnya seminggu selepas mendapat notis daripada MBSA atas kesalahan menambah infrastruktur bangunan di hadapan kedainya.

"Saya bermiaga di sini lebih 10 tahun lalu selepas menyambung perniagaan abang. Jika diikutkan ruang asal di hadapan kedai ini kecil yang boleh memuatkan beberapa pelanggan sahaja.

"Kami dan peniaga di medan selera ini menambah atap semestara sejak beberapa tahun lalu, tetapi sejak menerima notis semalam (kelmarin), kami menutup perniagaan," katanya.


Bagaimanapun, beliau berharap MBSA memberi sedikit pertimbangan kerana kedainya tidak mengganggu lalu lintas, sebaliknya berada di kawasan pasar sahaja.



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SEORANG LAGI PENGUAT KUASA MBSA DITAHAN
MUKA SURAT	18



Penolong Pegawai Penguat kuasa MBSA dibawa ke mahkamah untuk permohonan reman.

### Seorang lagi penguat kuasa MBSA ditahan

**PUTRAJAYA** - Seorang lagi penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) malam kelmarin susulan pendedahan mengenai aktiviti perjudian dan penjualan rokok seludup di Sungai Buloh.

Dia ditahan selepas dipanggil memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, jam 9.30 malam kelmarin.

Lelaki yang berusia 38 tahun yang memegang jawatan sebagai Penolong Pegawai Penguat kuasa MBSA itu dipercayai terlibat dalam aktiviti suapan di kawasan berkenaan.

Justeru, SPRM memohon perin-

tah tahanan reman terhadap lelaki tersebut di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

Majistret, Shah Wira Abdul Halim membenarkan permohonan SPRM dengan meneluarkan perintah tahanan reman selama tujuh hari bermula semalam.

Siasatan dibuat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, dia yang memakai baju lokap SPRM dan bergari tiba di pekarangan mahkamah pada jam 8.40 pagi.

Kelmarin, empat penguat kuasa MBSA dan seorang penjual rokok seludup berbangsa Aceh diremaui

tujuh hari bagi membantu siasatan selepas diperdayai mengutip dan menerima suapan RM300 hingga RM3,500 sebulan daripada beberapa peniaga tersebut.

Wang suapan itu dikatakan untuk melindungi premis haram dari pada diambil tindakan.

Selain berperanan melindungi premis tertentu, ada di antara mereka didakwa berperanan sebagai pengkhianat dengan membocorkan maklumat berhubung operasi-operasi yang akan dilaksanakan.

Ia menyebabkan setiap operasi yang dijalankan gagal dan diketahui awal oleh peniaga-peniaga haram.



## KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2020 (JUMAAT)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PADAH OPERASI TANPA LESEN
MUKA SURAT	24



### Padah operasi tanpa lesen

FOTO: IHSAN MPK

Antara premis yang dikenakan tindakan dalam operasi MPK di Lot 196 Jalan Haji Sirat kelmarin.

**KLANG** - Lapan buah premis yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen sah diarah menghentikan operasi serta-merta menerusi operasi Majlis Perbandaran Klang (MPK) di Lot 196 Jalan Haji Sirat kelmarin.

Pengarah Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, antara kesalahan dikenal pasti melibatkan pemasangan tingkap dan pintu besi, membuat kerja-kerja kejuruteraan, gudang dan kilang pembungkusan tanpa mendapat permit daripada MPK.

Norfiza berkata, sebanyak lapan notis pemberhentian aktiviti tanpa lesen telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil 3 (UUK3) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindus-

rian (PTPP) MPK kepada pihak terlibat.

“Terdapat juga beberapa premis terlibat kini dalam proses pendakwaan di mahkamah oleh Jabatan Perancang Bandar MPK,” katanya dalam satu kejayaan semalam.

Dalam pada itu, Norfiza berkata, MPK turut mengingatkan semua pemilik premis agar mematuhi undang-undang berikutan pihaknya tidak sesekali berkompromi, sebaliknya tindakan tegas akan diambil ke atas pihak yang masih berdegil dengan arahan dikeluarkan sebelum ini.

“Operasi sebegini akan diperhebatkan lagi dari masa ke masa melalui pemantau bertenagan jabatan-jabatan berkaitan,” katanya.